Pencemaran Bau dari Ladang Ternakan: Persepsi Penerima Sensitif

Lukman Ismail[1] Zaini Sakawi[2] Mohd Khalil Saipi[1] Sharifah Mastura Syed Abdullah[2] Othman Jaafar[2] Mastura Mahmud[2] Noor Khafazilah Abdullah[1] Mohd Rozaimi Ariffin[1]

Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, FSSK, UKMalaysia[1]
Institut Perubahan Iklim, UKMalaysia[2]
Email: lukman.ismail@rocketmail.com

Pencemaran bau dari ternakan merupakan salah satu jenis pencemaran udara yang boleh menjejaskan penerima sensitif. Punca pencemaran bau ternakan boleh datang dari pelbagai sumber seperti ternakan ayam, itik, kambing, lembu, kerbau, khinzir dan burung. Impak pencemaran bau bukan sahaja terbatas kepada persekitaran fizikal, tetapi lebih ketara ke atas kesejahteraan dan kualiti hidup persekitaran manusia. Penerima sensitif yang tinggal sekitar sumber pencemaran bau lebih terdedah kepada kacau-ganggu, kesan fisiologi, psikologi dan kesihatan. Sehubungan itu, kertas ini bertujuan mengkaji persepsi penerima sensitif terhadap pencemaran bau dari ladang ternakan berdekatan. Soal selidik telah dilakukan ke atas 104 responden secara purposif di sekitar tiga ladang ternakan iaitu ayam, kambing dan lembu. Responden dipilih berdasarkan jarak antara kediaman dan lokasi ladang ternakan dalam lingkungan 200 meter. Hasil kajian menunjukkan wujud persepsi berbeza antara responden mengikut jenis ladang ternakan. Waktu puncak bau didapati berlaku pada waktu malam dari ladang kambing. Sementara waktu pagi menunjukkan serakan bau yang tinggi dikesan dari ladang ayam dan lembu. Selain itu, lebih ½ responden berdekatan ladang ternakan juga mengakui faktor meteorologi seperti hujan dan angin kuat menjadi punca utama serakan bau berlaku. Seterusnya, hasil kajian menunjukkan lebih 2/3 peratus daripada penerima sensitif mengalami episod pencemaran bau dari setiap ladang ternakan.

Kata kunci: Pencemaran bau, intensiti bau, ladang ternakan, penerima sensitif, faktor meteorologi

PENGENALAN

Kajian mengenai pencemaran bau telah berkembang dan dilakukan secara lebih meluas oleh penyelidik di seluruh dunia. Di negara maju, kajian pencemaran bau telah banyak dilakukan mengikut perspektif yang berbeza. Skop kajian mereka meliputi aspek fizikal, teknikal dan kemanusiaan. Misalnya kajian tentang metod dan pengukuran (Nagata 2004; Yang 2004; Higuchi 2004; Shi 2004), persepsi (Dalton 1996; Haddad et al. 2010; Ferdenzi et al. 2013), jenis gas (Riley 2003; Casey et al. 2008; Liu 2013), impak pencemaran bau (Millot et al. 2002; Page 2008), pengurusan dan perundangan (Fukuyama 2004; Valli 2008; Freetly & Brown 2013) berkaitan dengan bau.

Sementara di Malaysia, kajian tentang pencemaran bau merupakan salah satu elemen pencemaran udara yang masih terbatas. Kajian awal (Othman et al. 2008 dan Lukman et al.